

23 JAN 2002
PBS-Kronologi
TURUN-NAIK PBS DALAM POLITIK SABAH

KOTA KINABALU, 23 Jan (Bernama) -- Parti Bersatu Sabah (PBS) yang hari ini diterima kembali menganggotai Barisan Nasional (BN) telah mengalami pelbagai peristiwa turun-naik dalam politik Sabah.

Berikut antara peristiwa penting membabitkan parti itu.

16 Ogos 1984 -- Seorang timbalan menteri dalam kerajaan Berjaya, Datuk Joseph Pairin Kitingan keluar daripada Parti Berjaya. Dua minggu kemudian kerusi Dewan Undangan Negeri Tambunan yang diwakilinya diisytiharkan kosong.

29 Dis 1984 -- Pairin mengekalkan kerusi Tambunan dalam satu pilihan raya kecil dan menubuhkan PBS tidak lama kemudian.

5 Mac 1985 -- PBS didaftarkan sebagai pertubuhan politik.

20 dan 21 April 1985 -- Pilihan raya negeri Sabah. PBS menang 25 daripada 47 kerusi yang ditandingi. Calon Pasok yang menang di Moyog kemudian menyertai PBS. Kerajaan negeri ditubuhkan dengan Pairin sebagai Ketua Menteri.

28 April 1985 -- PBS memohon menyertai BN. Pada hari yang sama beberapa pemimpin Parti Berjaya menyatakan sokongan kepada PBS.

6 dan 7 Mei 1986 -- Sabah sekali lagi mengadakan pilihan raya negeri bagi membolehkan PBS mendapat mandat baru berikutan kekecohan di Sabah ketika itu. PBS menang 35 kerusi.

5 Jun 1986 -- PBS diterima menganggotai BN.

16 & 17 Julai 1990 -- Pilihan raya negeri 1990 diadakan, PBS menang 36 kerusi.

5 Okt 1990 -- Parlimen dibubarkan.

15 Okt 1990 -- PBS keluar BN kerana mendakwa tidak puas hati dengan layanan BN terhadap parti itu.

16 Okt 1990 -- Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO memutuskan parti itu segera mengembangkan sayapnya ke Sabah.

20 dan 21 Okt 1990 -- Pilihan raya umum 1990 berlangsung. PBS menang 14 daripada 20 kerusi Parlimen di Sabah manakala selebihnya dimenangi BN-USNO.

21 Feb 1991 -- Umno secara rasminya mengembangkan sayap ke Sabah.

20 Jan 1994 -- Timbalan Presiden PBS dan Timbalan Ketua Menteri ketika itu, Datuk Yong Teck Lee keluar daripada PBS, iaitu 10 hari selepas Dewan Undangan Negeri dibubarkan. Yong menubuhkan Parti Maju Sabah (SAPP) dan memohon menganggotai BN.

18 & 19 Feb 1994 -- Pilihan raya negeri diadakan. PBS menang tipis dengan 25 kerusi manakala BN 23 kerusi.

17 Mac 1994 -- BN mengambil alih tampuk kerajaan negeri apabila PBS gagal mengekalkan majoriti dalam Dewan Undangan Negeri selepas wakil rakyatnya meninggalkan parti itu beramai-ramai, sama ada menyertai BN melalui parti-parti komponen sedia ada atau menubuhkan parti untuk kemudian memohon menyertai BN.

12 dan 13 Mac 1999 -- Pilihan raya negeri diadakan. PBS hanya mendapat 17 kerusi dan gagal merampas tampuk pemerintahan daripada BN yang mendapat 31 kerusi. Sembilan wakil rakyatnya kemudian menyertai BN termasuk wakil rakyat Moyog Datuk Clarence Bongkos Malakun yang menyertai UPKO bulan lepas. PBS kini mempunyai lapan Anggota Dewan Undangan Negeri.

12 Nov 2001 -- Pairin meminta perwakilan Kongres Ke-16 PBS menyatakan pendirian berhubung penyertaan semula PBS ke dalam BN.

13 Nov 2001 -- Majlis Tertinggi PBS bersetuju mengemukakan permohonan untuk kembali ke pangkuan BN.

15 Nov 2001 -- Pairin mengemukakan permohonan rasmi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

23 Jan 2002 -- Mesyuarat Dewan Tertinggi BN bersetuju menerima semula PBS.

-- BERNAMA

JS NMO